

# Tabayyun supaya tidak jatuh fitnah



AHMAD  
FARHAN  
FAUZI

**P**ADA 7 Mac 2019, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghantar perisytiharan harta bernilai RM10.7 juta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagaimana yang diminta kerajaan Pakatan Harapan (PH) ketika itu.

Perisytiharan harta ini adalah sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk memastikan ketelusan dalam kalangan anggota Kabinet dan ahli Parlimen.

Perisytiharan ini tidak mendatangkan sebarang isu pada waktu itu kerana ia disertai dengan penjelasan terperinci mengenai bagaimana aset tersebut diperolehi. Sebahagian besar nilai asetnya berdasarkan anggaran semasa hartanah miliknya, iaitu:

- Rumah di Bukit Segambut bernilai RM9.5 juta yang pada asalnya dibeli pada harga RM4.5 juta hasil daripada penjualan rumah di Bukit Damansara pada 2005.
- Tanah di Permatang Habib, Mukim Penor, Kuantan, Pahang, yang dibeli pada 1974 dengan harga RM7,000 dan kini dianggarkan bernilai RM420,000.

Aset-aset ini diperolehi secara sah dan boleh dibuktikan melalui dokumen jual beli dan rekod kewangan yang sah.

Pada masa itu, perisytiharan harta Anwar tidak menjadi isu kerana ramai anggota Kabinet dan ahli Parlimen PH mempunyai nilai aset yang jauh lebih tinggi. Contohnya ialah:

- Datuk Dr. R. Santhara Kumar (Segamat): RM132.1 juta.
- Datuk Ngeh Koo Ham (Beras): RM77.0 juta.
- Tun Dr. Mahathir Mohamad (Langkawi): RM32.3 juta.
- Datuk Seri Mukhriz Mahathir (Jerlun): RM25.1 juta.
- Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof (Alor Gajah): RM23 juta.
- Senator Datuk Raja Kamarul Bahrin: RM15.3 juta.
- Tan Sri Muhyiddin Yassin (Pagoh): RM14.3 juta.

Perisytiharan harta oleh



**FITNAH terhadap Anwar Ibrahim bukti Malaysia masih belum mengamalkan politik matang. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

anggota kerajaan PH pada ketika itu juga dipuji rakyat kerana memperlihatkan komitmen kepada ketelusan dan integriti, sesuatu yang tidak mampu dilakukan oleh kebanyakan pemimpin pembangkang.

Namun, baru-baru ini, data yang sama disalahgunakan untuk menyebarkan tuduhan kepada perdana menteri sebagai pemimpin ke-17 terkaya di dunia, dengan gambaran seolah-olah hartanya diperolehi secara tidak sah.

Secara logiknya, tuduhan bahawa Anwar adalah pemimpin ke-17 terkaya di dunia tidak masuk akal. Jika dibandingkan dengan pemimpin lain di Malaysia sendiri, nilai aset perdana menteri itu bukanlah antara yang tertinggi. Bagaimana mungkin beliau tergolong dalam senarai pemimpin terkaya dunia?

Penyebaran tuduhan tidak berasas ini adalah contoh klasik fitnah yang boleh merosakkan kredibiliti individu tanpa bukti yang sah. Dalam Islam, fitnah adalah dosa besar. Rasulullah SAW bersabda:

*"Memadailah seseorang itu dikatakan pendusta apabila dia menyampaikan apa sahaja yang didengarinya."* (Riwayat Muslim).

Hadis ini mengajar umat Islam agar berhati-hati sebelum menyampaikan sesuatu berita dan



**Kritikan terhadap pemimpin adalah dibenarkan dalam sistem demokrasi, tetapi ia harus tertumpu kepada dasar-dasar yang diperkenalkan."**

memastikan kebenarannya.

Tindakan menyebarkan maklumat tanpa menyiasat kebenarannya tidak hanya mencemarkan nama baik individu tetapi juga meruntuhkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem politik dan institusi negara.

Menyebarkan berita tanpa *tabayyun* (penyiasatan) bukan sahaja berdosa, malah boleh mengakibatkan kerosakan besar kepada masyarakat. Sebab itu penting untuk rakyat mengamalkan sikap menyemak fakta sebelum dipercayai dan menyebarkan maklumat.

Dengan memastikan kesahihan sesuatu berita, kita dapat mengelakkan penyebaran fitnah yang merosakkan perpaduan dan kestabilan negara.

**KRITIK DASAR, BUKAN SERANGAN PERIBADI**  
Perbezaan pandangan

dalam politik adalah perkara biasa, namun ia perlu dilaksanakan secara matang. Serangan peribadi, terutama dengan menyebarkan fitnah, adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab dan tidak membawa sebarang manfaat kepada rakyat.

Kritikan terhadap pemimpin adalah dibenarkan dalam sistem demokrasi, tetapi ia harus tertumpu kepada dasar-dasar yang diperkenalkan, bukannya menyerang peribadi atau menimbulkan tuduhan tidak berasas.

Sebagai contoh, jika ada pihak yang tidak bersetuju dengan dasar ekonomi yang diperkenalkan perdana menteri, ia wajar dibincangkan secara fakta dan ilmiah, bukan dengan mencipta naratif palsu tentang kekayaan peribadinya.

Dalam usaha membangunkan negara, politik matang adalah keperluan yang mendesak. Pemimpin-pemimpin parti politik, khususnya parti Islam, perlu menunjukkan teladan yang lebih baik berbanding parti-parti lain, termasuk parti sekular. Fitnah dan serangan peribadi tidak wajar menjadi senjata dalam politik.

Pemimpin yang mendukung nilai-nilai Islam seharusnya menjadi contoh kepada masyarakat dengan menyampaikan kebenaran dan mempraktikkan

prinsip *tabayyun* dalam menyampaikan berita.

Anwar sebagai perdana menteri sedang giat berusaha menjalin hubungan baik dengan kerajaan-kerajaan negeri, termasuk yang berada di bawah pentadbiran parti pembangkang. Ini adalah langkah bijak untuk memastikan kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan negeri dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Namun, usaha sebegini boleh terganggu jika terdapat unsur-unsur fitnah dan politik tidak matang yang cuba memecah-belahkan perpaduan. Kerjasama antara kerajaan pusat dan negeri memerlukan kepercayaan sementara fitnah hanya akan merosakkan asas kepercayaan ini.

Dalam dunia yang serba pantas dan penuh maklumat ini, penting untuk masyarakat mengamalkan sikap *tabayyun* atau menyiasat kebenaran sesuatu berita sebelum mempercayai dan menyebarkannya. Allah SWT berfirman dalam Surah *Al-Hujurat*, ayat 6:

*"Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu, sehingga kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."*

Fitnah yang dilemparkan terhadap Anwar adalah contoh jelas bagaimana maklumat yang tidak berasas boleh mempengaruhi persepsi masyarakat.

Penting untuk semua pihak, sama ada ahli politik mahupun rakyat biasa, memainkan peranan dalam menegakkan kebenaran dan mengelakkan politik kebencian.

Ahli-ahli politik khususnya harus menunjukkan teladan berpolitik secara matang tanpa menggunakan fitnah sebagai alat politik.

Dengan mengamalkan prinsip *tabayyun*, masyarakat dapat mengelakkan diri daripada menjadi penyebar fitnah dan memastikan bahawa politik negara kekal berlandaskan kebenaran dan keadilan.

DATUK Ahmad Farhan Fauzi ialah Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri.